



ABDUL FATTAH ABDULLAH (depan, dua dari kiri) beramah mesra dengan guru-guru dalam Seminar Penentu Hala Tuju Koperasi Sekolah Negeri Terengganu di Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

Angkasa siap rangka tindakan koperasi sekolah

um
20/3/2017
ms 11

KUANTAN 19 Mac - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) telah siap menyediakan rangka tindakan untuk dilaksanakan koperasi sekolah sehingga 2020.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, rangka tindakan itu akan dibentangkan kepada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan sebelum dilancarkan pada Jun ini.

"Kita menasaskan 57 koperasi sekolah mencapai perolehan melebihi RM1 juta setahun pada 2020.

"Angkasa juga menasaskan peningkatan koperasi sekolah terlibat dalam bidang peruncitan iaitu daripada 40 buah kepada

300 buah dan peningkatan kepada 350 buah pembinaan kiosk daripada 35 buah pada ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Penentu Hala Tuju Koperasi Sekolah Negeri Terengganu di Bukit Gambang Resort City (BGRC) di sini hari ini.

Yang hadir sama, Penolong Pengarah Kanan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Terengganu, Wan Fazida Wan Awang dan Setiausaha Angkasa Terengganu, Mohamed Yusoff.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, Angkasa turut menasaskan peningkatan 25 buah koperasi sekolah melibatkan diri dalam bidang perniagaan maju, inap desa, solar dan pelancongan.

"Menjelang 2020, kita juga mahu 50 buah koperasi sekolah menghasilkan produk mereka sendiri," katanya.

Beliau berkata, bagi mencapai rangka tindakan itu, Angkasa akan mengadakan program latihan dan perkhidmatan untuk meningkatkan penglibatan guru secara 100 peratus dalam koperasi sekolah.

"Penglibatan 100 peratus guru dalam koperasi sekolah adalah penting untuk kita menjayakan rangka tindakan ini," katanya.

Sementara itu, beliau turut mencadangkan koperasi sekolah mewujudkan gabungan koperasi sekolah di peringkat negeri kerana jumlahnya masih kecil ketika ini iaitu tujuh buah.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia